

EGM: Umno Muar tunggu jawapan...
Malaysiakini.com
Apr 28, 2008
Muda Mohd Noor

Umno bahagian Muar masih menunggu jawapan setiausaha agung parti Datuk Tengku Adnan Mansor bagi mengadakan perhimpunan agung khas (EGM), kata seorang ahli jawatankuasanya Hassan Sulaiman Ninam Shah.

"Sehingga sekarang Tengku Adnan belum memberi jawapan mengenai perkara tersebut sedangkan kami telah menemuinya sejak dua minggu lalu.

"Bila beliau (Tengku Adnan) hendak membuat keputusan kerana kami menunggu sudah lama? Beliau kata hendak berjumpa Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak sebagai pengerusi pengurusan Umno, masalahnya (apakah) beliau sudah jumpa dengan Najib," katanya ketika dihubungi hari ini.

Hassan berkata, enam AJK Muar termasuk beliau telah menemui Tengku Adnan pada 17 April lalu untuk membincangkan perkara tersebut.

Bagaimanapun, setiausaha agung Umno itu mahu merujuk perkara tersebut kepada Najib terlebih dahulu.

"Saya juga telah mendapatkan nasihat daripada Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai perkara tersebut tetapi naib presiden Umno itu mahu menunggu keputusan mesyuarat pengurusan parti terlebih dahulu," katanya lagi.

Menurut perlembagaan Umno, kata Hassan, Majlis Tertinggi (MT) Umno mempunyai kuasa untuk membuat keputusan sama ada sesebuah bahagian boleh mengadakan EGM atau sebaliknya.

Katanya, jika tiada penyelesaian, beliau bercadang meminta pengerusi Umno bahagian Muar untuk memanggil bahagian mengadakan EGM tersebut.

"Mengikut perlembagaan parti, AJK bahagian boleh meminta pengerusi atau timbalan pengerusi bahagian untuk memanggil bahagian mengadakan EGM," katanya lagi.

Sementara itu dalam perkembangan berkaitan, Umno bahagian Muar akan mengadakan majlis dialog yang membabitkan beberapa pemimpin politik Umno pada 4 Mei.

Hassan berkata, antara yang diundang ialah ahli parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah, exco Pemuda Umno Datuk Mukhriz Mahathir dan ketua bahagian Batu Pahat, Datuk Mohd Puad Zarkashi.

"Kita juga mengundang empat ketua bahagian (di daerah Muar) iaitu Muar, Pagoh, Ledang dan Bakri untuk hadir," tambahnya.

Ketika diminta mengulas tindakan ketua Pemuda Umno meminta maaf kerana menghunus dan mencium keris, Hassan berkata tindakan Datuk Seri Hishammuddin Hussein itu sebagai "memalukan".

Katanya, tindakan tersebut memalukan seluruh orang Melayu, bukan sahaja dalam

kalangan ahli Umno.

"Buat apa minta maaf lagi... masa angkat keris berlagak sangat. Mengapakah tidak berfikir masa angkat. Tiada lagi orang pandang Hishammuddin selepas ini," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news//82041>